

# Aneka produk antipenuaan bantu meremajakan kulit



**T**AKUT tampak tua? Bagi kebanyakan wanita yang mementingkan kecantikan dan penjagaan wajah itulah antara perkara yang paling dibimbangkan. Malah, apabila muncul saja garisan halus atau noda hitam pada wajah, diri terus diburu rasa resah dan gelisah.

Justeru, tidak hairanlah jika pelbagai produk penjagaan kulit banyak berada di pasaran seperti krim pemutih, pelembap dan vitamin. Antara kebanyakannya tentulah untuk membantu kulit wajah tampak muda dan berseri selalu.

Namun, hati-hatilah memilih produk dan bercakap mengenai penjagaan wajah, saya teringatkan nasib seorang rakan. Keghairahan hendak menjaga wajah menyebabkan rakan tadi suka mencuba pelbagai produk tanpa mengambil kira kandungan ramuan dan cara penggunaan produk dibeli.

Suatu hari, saya terkejut apabila melihat mukanya mengelupas kemerah-merahan. Itulah padahnya jika tidak teliti dan terlalu taksab untuk mencuba.

Apa pun, selain menggunakan produk penjagaan kulit saya mencadangkan pembaca agar mencuba teknik urutan untuk menjaga wajah. Caranya amat mudah dan hanya memerlukan kira-kira dua minit. Urutan hendaklah dimulakan daripada dahi, bergerak ke bawah iaitu ke mata, pipi, dagu dan akhir sekali telinga. Amalkan setiap hari kaedah urutan itu kerana percayalah ia dapat membantu menegangkan kulit wajah.



**MENGATASI** masalah kulit pada masa hadapan, Za menampilkan siri rangkaian penjagaan kulit awal antipenuaan, Future Defense. Penggunaannya disarankan pada awal usia 25 tahun, khusus untuk memerangi tanda awal penuaan. Harganya: RM21.90 hingga RM44.90.



JENAMA kecantikan dari Korea, lanTi memperkenalkan Noblesse Oblige B.B Cream. Antara yang ada dalam siri rangkaian produk itu ialah krim pemutih White B.B Cream. Ia mengandungi kandungan aktif bahan pemutih seperti arbutin yang membantu mengubah rona kulit menjadi cerah. Harga: RM59.90.



**TEKNOLOGI** pemutihan, Dior Snow Sublissime memperkenalkan Spot Light Whitening yang menampilkan dua produk - Whitening Repair Essence dan Whitening Spot Reducer. Kedua-duanya bekerja sama bagi menghapuskan noda hitam dan mencerahkan kulit. Harga: Whitening Repair Essence RM350 & Whitening Spot Reducer RM205.



**PENJAGAAN** kulit tidak t... Aqualia The... Vichy buka... melembap... membantu... struktur ku... itu turut m... meningkat... kulit. Harga... Thermal Es... 30ml & Aqu... Light RM90

